



**UPM**  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
*BERILMU BERBAKI*



**Universiti  
Putra  
Malaysia**

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA

## “KEPATUHAN KEPADA PERATURAN UNIVERSITI”

MOHD AZIS ABDULLAH  
Pegawai Kewangan (Audit)  
Bahagian Audit Dalam, UPM.

# AGENDA

Kepatuhan Kepada Peraturan Universiti

Keperluan Kepatuhan Peraturan

01

Tadbir Urus Universiti (Governance)

02

Implikasi Ketidakpatuhan Peraturan

03

Makluman / Aduan Ketidakpatuhan

04

# HASIL PEMBELAJARAN

(Learning Outcome)

Keperluan Kepatuhan  
Kepada Peraturan Universiti


Kawalan Kepada Kepatuhan  
Peraturan Universiti

Sumber Rujukan  
Peraturan Universiti

Punca Ketidakpatuhan  
Peraturan Universiti

Implikasi Ketidakpatuhan  
Kepada Peraturan Universiti

Saluran Makluman / Aduan  
Ketidakpatuhan Peraturan Universiti



# AGENDA

Kepatuhan Kepada Peraturan Universiti

Keperluan Kepatuhan Peraturan

01

# DEFINISI

Kepatuhan Kepada Peraturan Universiti



## KEPATUHAN

Melakukan sesuatu perbuatan mengikut apa yang dikehendaki oleh peraturan (*proactive*)



## PERATURAN

Penetapan hak, kuasa, tanggungjawab dan larangan dalam melaksanakan sesuatu perbuatan

# KEPERLUAN

Kepatuhan Kepada Peraturan Universiti



**Warta Kerajaan**  
**SERI PADUKA BAGINDA**  
**DITERBITKAN DENGAN KUASA**  
**HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE**  
**PUBLISHED BY AUTHORITY**

Jil. 54  
No. 26

31hb Disember 2010

TAMBAHAN No. 143  
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 447.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERINTAH UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI (PENGUBAHAN DAN PENAMBAHAN KEPADA PERLEMBAGAAN) (UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA) 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 26(b) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan Perintah Universiti dan Kolej Universiti (Pengubahan dan Penambahan kepada Perlembagaan) (Universiti Putra Malaysia) 2010 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2011.

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, "Perlembagaan" ertiannya Perlembagaan yang ditetapkan dalam Jadual Pertama kepada Akta.

**Pengubahan dan penambahan diperihalkan dalam Jadual**

3. Peruntukan Perlembagaan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual adalah dipinda mengikut cara yang diperihalkan dalam ruang (2) bagi maksud pemakaianya bagi Perlembagaan Universiti Putra Malaysia.

## PERLEMBAGAAN UPM (P.U. (A) 447/2010 | 448/2010)

### Bahagian VI (Peruntukan AM)

#### SEKSYEN 53 (Pelantikan Pekerja Universiti)

(3) Tiap-tiap orang yang diambil kerja oleh Universiti hendaklah memegang jawatan mengikut apa-apa syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga dan syarat yang akan ditetapkan sedemikian hendaklah disifatkan sebagai termasuk peruntukan —

(a) berhubung dengan kewajipan mengajar, memeriksa, menyelia dan kewajipan lain yang seumpamanya, bahawa kerjanya adalah tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini dan kepada peruntukan semua statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa; dan

(b) berhubung dengan semua syarat perkhidmatan yang lain, bahawa kerjanya adalah tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini dan kepada peruntukan semua statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa pada tarikh dia mula bekerja.

[https://ppuu.upm.edu.my/hub\\_pendidikan\\_undang\\_undang-2211](https://ppuu.upm.edu.my/hub_pendidikan_undang_undang-2211)


# KLASIFIKASI

Kepatuhan Kepada Peraturan Universiti



# TANGGUNGJAWAB

Kepatuhan Kepada Peraturan Universiti



01

## MENGETAHUI (Knowing)

Mengetahui dan memahami segala peraturan semasa Universiti yang berkuatkuasa (umum atau berkaitan tugas)

02

## MENGHORMATI (Respecting)

Menghormati keputusan pihak berkuasa yang membuat peraturan dan kaedah penguatkuasaan yang ditetapkan

03

## MEMATUHI PERATURAN (Following the rules)

Mematuhi peraturan dan melaporkan ketidakpatuhan yang menjelaskan integriti, operasi dan imej Universiti

Stay Informed | Raise Question | Report Concern

# KEPENTINGAN


Kepatuhan Kepada Peraturan Universiti

PENGUKUHAN TADBIR  
URUS UNIVERSITI

PENCAPAIAN STRATEGIK  
MISI DAN VISI UNIVERSITI

KEPELBAGAIAN FUNGSI  
DAN OPERASI UNIVERSITI

KELESTARIAN KEWANGAN  
UNIVERSITI




# “EXPLAINITY”

Kepatuhan Kepada Peraturan Universiti

# NILAI MURNI


Kepatuhan Kepada Peraturan Universiti



# Break Time

## 3 Minutes

“What Wrong With That Picture”




# AGENDA

Kepatuhan Kepada Peraturan Universiti

Tadbir Urus Universiti (Governance) 02

# RANGKA KERJA

Tadbir Urus Universiti (Governance)



*“Governance is the framework of structures, rules, relationships, systems and processes by which authority is exercised and controlled within the University”*

- |   |   |
|---|---|
| <b>01</b><br><b>Struktur &amp; Komponen Universiti</b> <ul style="list-style-type: none"><li>- Pertubuhan perbadanan</li><li>- Kuasa Universiti</li><li>- Pengoperasian</li></ul> | <b>02</b><br><b>Pegawai Universiti</b> <ul style="list-style-type: none"><li>- Canselor &amp; Pro-Canselor</li><li>- Pengurusan Universiti</li><li>- Pegawai Universiti</li></ul> |
| <b>03</b><br><b>Pihak Berkuasa Universiti</b> <ul style="list-style-type: none"><li>- Lembaga Pengarah</li><li>- Jawatankuasa Lembaga</li><li>- Senat dan lain-lain</li></ul>     | <b>04</b><br><b>Statut, Kaedah &amp; Peraturan</b> <p>Keanggotaan, kuasa, kewajipan dan tatacara pihak berkuasa Universiti</p>  |
| <b>05</b><br><b>Peruntukan Kewangan</b> <ul style="list-style-type: none"><li>- Jawatankuasa Tetap Kewangan</li><li>- Audit</li></ul>   | <b>06</b><br><b>Peruntukan Am</b> <p>Peruntukan Am pengoperasian Universiti (Konvokesyen, Pelantikan Pegawai dan lain-lain)</p>   |
| <b>07</b><br><b>Peruntukan Kecualian &amp; Peralihan</b> <p>Pemansuhan atau pengecualian dan kesannya kepada operasi Universiti</p>   |   |

# KONSEP

Tadbir Urus Universiti (Governance)

“Undang-undang, peraturan dan polisi diwujudkan bagi memastikan Universiti mempunyai tadbir urus yang baik, wujud kawalan dalaman dan diuruskan mengikut prinsip dan dasar yang ditetapkan”

Akademik & Antarabangsa

Penyelidikan & Inovasi

Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Jaring Industri & Masyarakat

Sumber Manusia

## Undang-Undang & Peraturan (Asas)


- Perlembagaan Universiti
- Akta Prosedur Kewangan 1957
- Akta Badan-Badan Berkanun (Surcaj dan Tatatertib)-Akta 605
- Arahan Perbendaharaan (AP)
- Pekeliling Perbendaharaan (PPP)
- Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (PPSM)
- Perintah Am (Sumber Manusia)
- Garispanduan/Prosedur dan lain-lain

Kewangan

Teknologi Maklumat

# RUJUKAN

Tadbir Urus Universiti (Governance)



PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG

Hub Pendidikan Undang-Undang  
([https://ppuu.upm.edu.my/hub\\_pendidikan\\_undang\\_undang-2211](https://ppuu.upm.edu.my/hub_pendidikan_undang_undang-2211))



PEJABAT BURSAR

Pekeliling Bursar UPM  
([http://www.bursar.upm.edu.my/rujukan/pekeliling\\_bursar-7926](http://www.bursar.upm.edu.my/rujukan/pekeliling_bursar-7926))



PEJABAT PENDAFTAR

Pekeliling Pendaftar UPM  
([http://www.pendaftar.upm.edu.my/dokumen\\_rujukan/pekeliling-5486](http://www.pendaftar.upm.edu.my/dokumen_rujukan/pekeliling-5486))

# KEPERLUAN

Tadbir Urus Universiti (Governance)

“Untuk menyemai dan **meningkatkan keyakinan rakyat** terhadap keupayaan Kerajaan untuk melaksanakan dasar yang telah dimandatkan disamping **mengkalkan akauntabiliti** di dalam sistem penyampaian awam”



## PRESTASI

- a) Penyampaian perkhidmatan secara cekap dan berkesan
- b) *Value for money* dan pengurangan pembaziran sumber/dana




## PEMATUHAN

- a) Mematuhi undang-undang, peraturan dan polisi yang berkuatkuasa
- b) *Amalan kejujuran, akauntabiliti, integrity dan ketelusan*



# KAWALAN

Tadbir Urus Universiti (Governance)



Operation & Business Unit

Management Assurance

Independent Assurance

# AUDIT DALAM

Tadbir Urus Universiti (Governance)

**Bahagian Audit Dalam UPM** adalah satu badan bebas yang ditubuhkan di UPM selaras dengan Pekeliling Am Bilangan 2, Tahun 1979 (diganti dengan Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998).

**Bahagian Audit Dalam UPM** bertanggungjawab untuk melaporkan penemuan audit kepada Lembaga Pengarah Universiti (LPU) melalui Jawatankuasa Audit (JKA) UPM, Pengurusan Universiti dan Pusat Tanggungjawab.

01

Melaporkan penilaian secara bebas dan berkecuali ke atas pengoperasian Universiti, kawalan dalaman dan tadbir urus UPM termasuk pusat tanggungjawab dibawahnya.

02

Melaksanakan pengauditan berdasarkan Amalan Professional Antarabangsa Institut Juruaudit Dalaman (*The Institut of Internal Auditors' International Professional Practice Framework*).

03

Melindungi nilai dan kepentingan UPM melalui pengauditan berasaskan risiko ke atas fungsi utama Universiti, aktiviti berisiko dan pusat tanggungjawab.

04


Mengenalpasti kelemahan kawalan dalaman Universiti dan memastikan tindakan pembetulan atau penambahbaikan dilaksanakan dengan teratur.

# AUDIT DALAM

Tadbir Urus Universiti (Governance)



## CARTA ORGANISASI BAHAGIAN AUDIT DALAM



## Ahli Jawatankuasa Audit (JKA) UPM



YBhg. Dato' Dr. Hasan Mad  
Pengerusi JKA UPM

Tempoh perlantikan :  
Berkuatkua mulai 10 Februari 2021.



YBhg. Dato' Syed Haizam Hishamuddin Putra  
Jamalullail

Tempoh perlantikan :  
Berkuatkua mulai 07 Ogos 2020.





YBhg. Prof. Dr. Abu Bakar Md Sultan

Tempoh perlantikan :  
Berkuatkua mulai


# AUDIT DALAM

Tadbir Urus Universiti (Governance)



# PELAPORAN

## Tadbir Urus Universiti (Governance)



AG Dashboard (JAN)



Audit Dashboard (UPM)

# ISU & TINDAKAN

Pengurusan Perolehan



AUDIT DALAM UPM  
35 subscribers

 Subscribed ▼

# LAPORAN KAN

## PROJEK PUSAT KAWALAN TRAFIK UDARA BAHARU DAN SISTEM-SISTEM YANG BERKAITAN BAGI KUALA LUMPUR FLIGHT INFORMATION REGION

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

### JUSTIFIKASI PROJEK

Keperluan tiga landasan KLIA melalui pelaksanaan *Simultaneous Independent Parallel Approaches/ Departures* (mendarat & berlepas serentak)

Pertambahan mendadak trafik udara KLIA & Subang serta penerbangan *overfly*


Keperluan menaik taraf sistem *Communication, Navigation, Surveillance/Air Traffic Management* (CNS/ATM) yang telah usang



**RM665.19 juta**  
Siling Peruntukan Projek



**RM666.32 juta**  
Jumlah kos kontrak



### PENCAPOAI OUTPUT

Projek KL ATCC baharu disiapkan 31.8.2021. Terdapat kelemahan:



Sijil FAT dikeluarkan sebelum semua subsistem beroperasi



FAT dilaksanakan sebelum semua UAT selesai



**108** (15.2%) *outstanding works* telah disiapkan daripada **712** kerja yang dinyatakan dalam LoU

### PENGURUSAN PROJEK



Komitmen Kerajaan **melebihi siling peruntukan** projek



Makmal VM **tidak berkesan**



Kontrak secara hibrid **tidak menjamin** **kepentingan Kerajaan**



Kelemahan pengurusan penyenggaraan menyebabkan **kerugian** kepada Kerajaan



RM4.88 juta bayaran ICC **melebihi kos siling kontrak yang sah**



RM5.33 juta bayaran ICC **tidak dapat disahkan** keteraturannya



**Risiko** pencerobohan, pengubahsuaian & kehilangan data akibat kelemahan keselamatan fizikal bangunan serta akses kepada sistem

# ISU & TINDAKAN

Pengurusan Pembayaran



AUDIT DALAM UPM  
35 subscribers

 Subscribed ▼

# LAPORAN KAN



## PENGURUSAN PROGRAM

### Program Baik Pulih Rumah & Rumah Sejahtera

9 PBT **tiada Akaun Khusus**  
  
**RM4.82 juta baki Akaun Khusus** dalam rekod PBT

**15 PBT tiada ID Pengguna**  
  
**Sistem eKasih** Maklumat bantuan 1,974 peserta (23.3%) **tidak dikemas kini**

**RM402,046** (18 PBT)  
- kerja tidak dilaksanakan  
**RM286,235** (20 PBT)  
- kerja tidak memuaskan



**Pemantauan PBT & KPKT kurang berkesan**  


### Program PEKB

**Dilantik semula** walaupun prestasi tidak memuaskan  
**Bancian** tidak dibuat



**Bilangan pemantauan tidak cukup**  
Maklumat pendapatan **meragukan**  
Penggantian peserta **tanpa kelulusan**

**Tidak selaras kursus**

**Lewat dibekalkan** (denda boleh dikutip **RM0.62 juta**)



**PERALATAN**  
**Tidak mengikut spesifikasi** (nilai peralatan RM113,400)

## PENGURUSAN PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

- Sasaran tahun 2016 sebanyak 2,300 rumah peserta dibaiki **tidak tercapai melibatkan 118 rumah peserta**
- 3 PBT **tidak pernah mengemukakan permohonan Program Perumahan:** MD Simpang Renggam, MD Cameron Highlands & MD Nabawan
- Projek bagi 39 peserta **tidak dilaksanakan (RM620,000)**
- 2,193 peserta (15.8%) **menetap di luar bandar**

### PENCAPAIAN KEBERHASILAN

- 309 peserta Program PEKB (12.5%) **tidak menjana pendapatan minimum**
- 25 peserta Program PEKB (50%) **tidak manfaat peralatan**
- 36 peserta Program PEKB (72%) **kekal dalam kategori miskin/miskin tegar**

# ISU & TINDAKAN

Pengurusan Aset dan Inventori



AUDIT DALAM UPM  
35 subscribers

 Subscribed ▼


# LAPORAN KAN

## PENGURUSAN MITIGASI BANJIR KUALA LUMPUR

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN  
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR



### D. PENGURUSAN PROGRAM




1

Pelantikan tiga kontraktor tidak teratur bernilai RM27.68 juta



2

Arahan Perubahan Kerja berjumlah RM192,553.90 & lanjutan masa diluluskan selepas kontrak tamat



3

- Rekod aset atau infrastruktur sungai & kolam takungan banjir & rekreasi tidak lengkap & kemas kini
- Tiada bukti seliaan kerja di tapak dilaksanakan



4

Komponen & konfigurasi sembilan kolam takungan banjir & rekreasi tidak sempurna

# Break Time

3 Minutes

“What Wrong With That Picture”



“Vampire In  
The Mirror ??”



# AGENDA

Kepatuhan Kepada Peraturan Universiti

Implikasi Ketidakpatuhan Peraturan 03

# PUNCA

Ketidakpatuhan Peraturan

## KELEMAHAN KAWALAN DALAMAN

Polisi, prosedur atau garis panduan yang dibuat penetapan tidak jelas




## KELEMAHAN PENGUATKUASAAN

Penguatkuasaan ke atas peraturan tidak dilaksanakan oleh pihak berwajib.



## KECUAIAN

Kecuaian pegawai semasa semasa melaksanakan tugas.



# KAWALAN

Ketidakpatuhan Peraturan



**UNDANG-UNDANG  
MALAYSIA**

VERSI DALAM TALIAN TEKS  
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

Akta 605

**AKTA BADAN-BADAN BERKANUN  
(TATATERTIB DAN SURCAJ) 2000**

*Sebagaimana pada 22 Oktober 2021*

*Teks ini HANYALAH TEKS KEMAS KINI bagi Akta Akta Badan-Badan Berkamun (Tataterib Dan Surcaj) 2000 oleh Jabatan Pegawai Negara. Melainkan jika dan sekingga dicetak semula menurut kuasa Persempujian Penyemak Undang-Undang di bawah subsekjen 14(I) Akta Pengesahan Undang-Undang 1968 [Akta 1], teks ini BUKAN TEKS YANG SAH.*

**Akta 605 Menggariskan Larangan-larangan Yang perlu Dipatuhi oleh Pegawai Badan Berkamun Persekutuan**

Diluluskan oleh Parlimen pada 31 Julai  
tahun 2000



**01**

Berkuatkuasa mulai 1 November 2000



**03**

Dikuatkuasa kepada semua Badan  
Berkamun Persekutuan termasuk UPM



**05**

# TINDAKAN

Ketidakpatuhan Peraturan

## SURCAJ

Surcaj adalah suatu kaedah bagi kerajaan mengutip balik segala kehilangan atau kerugian di pihak kerajaan



“Surcaj bukan hukuman tatatertib walau bagaimanapun tindakan surcaj tidak boleh menghalang daripada tindakan tatatertib”

## TATATERTIB

Pelanggaran mana-mana peruntukan tatakelakuan yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan ini oleh seseorang pegawai boleh menyebabkannya dikenakan tindakan tatatertib.



# SURCAJ

## Implikasi Ketidakpatuhan Peraturan

### Alasan bagi surcaj

14. Seseorang yang adalah atau pernah berada dalam pengajian sesuatu badan berkanun boleh disurcaj jika ternyata kepada Lembaga bahawa orang itu—
- (a) tidak atau telah gagal untuk memungut apa-apa wang yang terhutang kepada badan berkanun itu yang bagi pemungutannya dia adalah atau telah dipertanggungjawabkan;
  - (b) adalah atau telah bertanggungjawab bagi apa-apa pembayaran wang yang tidak sepatutnya daripada badan berkanun itu atau bagi apa-apa pembayaran wang yang tidak diluluskan dengan sewajarnya;
  - (c) adalah atau telah bertanggungjawab, secara langsung atau tidak langsung, bagi apa-apa kekurangan dalam, atau bagi pemusnahan, apa-apa wang, barang-barang simpanan atau harta lain badan berkanun itu;
  - (d) sebagai atau sebagai seorang yang pernah menjadi seorang pegawai akaun, tidak atau telah gagal untuk menyimpan atau memantau akaun atau rekod yang sepatutnya bagi badan berkanun itu; atau
  - (e) tidak atau telah gagal untuk membuat apa-apa pembayaran atau adalah atau telah bertanggungjawab bagi apa-apa kelewatan dalam pembayaran wang daripada badan berkanun itu kepada mana-mana orang yang kepadanya bayaran itu kena dibayar di bawah mana-mana undang-undang atau di bawah mana-mana kontrak, perjanjian atau perkiraan yang dibuat antara orang itu dengan badan berkanun itu.



# TATATERTIB

## Implikasi Ketidakpatuhan Peraturan

“Hukuman yang dikenakan kepada pegawai disebabkan pelanggaran mana-mana peruntukan tatakelakuan yang dinyatakan dalam peraturan AKTA 605”

1. Pekerjaan luar
2. Etika pakaian
3. Dadah
4. Pemunyaan harta
5. Hadiah & Keraian
6. Taraf hidup tidak setimpal
7. Keberhutangan serius
8. Meminjamkan Wang
9. Penglibatan pasaran niaga hadapan
10. Cabutan Bertuah
11. Penerbitan Buku
12. Penyataan awam & Penyunting
13. Politik
14. Tidak hadir Bertugas

(2) Seseorang pegawai tidak boleh—

- (a) membelaikan kewajipannya kepada badan berkanun demi kepentingan peribadinya;
- (b) berkelakuan dengan sedemikian cara yang mungkin menyebabkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan kewajipannya kepada badan berkanun;
- (c) berkelakuan dengan apa-apa cara yang mungkin menyebabkan syak yang munasabah bahawa—
  - (i) dia telah membiarkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan kewajipannya kepada badan berkanun sehingga menjaskan kebergunaannya sebagai seorang pegawai badan berkanun; atau
  - (ii) dia telah menggunakan kedudukannya sebagai seorang pegawai badan berkanun bagi faedahnya sendiri;
- (d) berkelakuan dengan sedemikian cara sehingga memburukkan atau mencemarkan nama badan berkanun;
- (e) kurang cekap atau kurang berusaha;
- (f) tidak jujur atau tidak amanah;
- (g) tidak bertanggungjawab;
- (h) membawa atau cuba membawa apa-apa bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan apa-apa tuntutan berhubung dengan atau terhadap badan berkanun, sama ada tuntutan itu ialah tuntutannya sendiri atau tuntutan mana-mana pegawai lain badan berkanun;
- (i) ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh ditafsirkan dengan munasabah sebagai ingkar perintah; dan
- (j) cuai dalam melaksanakan tugas-tugasnya.

# KONFLIK KEPENTINGAN

Konflik Kepentingan merujuk kepada pemilihan atau pelantikan individu yang mempunyai pertalian kekeluargaan dengan sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung atau membantu di dalam proses pemilihan atau pelantikan tersebut.

Ianya berpotensi berlaku dalam keadaan seperti contoh berikut:

- 1.** Pemilihan pembekal/kontraktor/syarikat/individu dalam perolehan
- 2.** Pemilihan kakitangan
- 3.** Pemilihan Pembantu Penyelidik (RA)/Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)
- 4.** Pemilihan kemasukan pelajar
- 5.** Proses kenaikan pangkat
- 6.** Pengajaran dan penyeliaan pelajar
- 7.** Proses pelantikan ke jawatan pentadbiran
- 8.** Penilaian prestasi kakitangan

## **SEKSYEN 23 AKTA SPRM 2009 :**

Konflik kepentingan boleh ditafsirkan sebagai salah guna kuasa ataupun salah guna kedudukan dan jawatan. Merujuk kepada seksyen tersebut juga tafsiran “saudara” adalah lebih meluas dengan merujuk kepada saudara terdekat termasuk ipar, sepupu, ayah dan ibu saudara, menantu, anak angkat termasuk sekutu.

# PEKERJAAN LUAR

SEORANG PEGAWAI BADAN BERKANUN TIDAK BOLEH:

- (a) Mengambil bahagian, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dalam pengurusan atau urusan apa-apa pengusahaan komersial, pertanian atau perindustrian;
- (b) Mengusahakan bagi mendapatkan upah apa-apa kerja dengan mana-mana institusi, syarikat, firma atau individu persendirian;
- (c) Sebagai seorang pakar, memberikan apa-apa laporan atau memberikan apa-apa keterangan, sama ada secara percuma atau dengan dibayar upah

TIDAK BOLEH BUAT KERJA LUAR, KECUALI:

- (a) Di luar waktu pejabat/ tugas rasmi
- (b) Tidak menjaskan kebergunaannya sebagai pegawai awam
- (c) Tidak bercanggah dengan kepentingan perkhidmatan awam

CONTOH PELANGGARAN PERATURAN 4

- (a) Memandu teksi selepas waktu pejabat tanpa kebenaran
- (b) Menjalankan perniagaan pasar malam, menjadi pengawal keselamatan dan pekerjaan lain tanpa kebenaran

# HADIAH

7. (1) Seseorang pegawai tidak boleh **menerima** atau **memberikan** dan tidak boleh membenarkan isteri atau suaminya atau mana-mana orang lain untuk menerima atau memberikan bagi pihaknya apa-apa hadiah, sama ada dalam bentuk **zahir atau selainnya**, daripada atau kepada mana-mana orang, persatuan, badan atau kumpulan orang jika penerimaan atau pemberian hadiah itu dalam apa-apa segi **mempunyai kaitan**, sama ada secara langsung atau tidak langsung, **dengan tugas rasminya**.

# ► PEMUNYAAN HARTA

9. (1) Seseorang pegawai hendaklah, apabila dilantik ke perkhidmatan sesuatu badan berkanun atau pada bila-bila masa selepas itu sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga, mengisyiharkan secara bertulis kepada Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan, melalui Ketua Jabatannya, **segala harta yang dipunyai olehnya atau oleh isteri atau suaminya atau anaknya atau yang dipegang oleh mana-mana orang bagi pihaknya atau bagi pihak isteri atau suaminya atau anaknya.**

# HUKUMAN

## Implikasi Ketidakpatuhan Peraturan

“Hukuman yang dikenakan kepada pegawai disebabkan pelanggaran mana-mana peruntukan tatakelakuan yang dinyatakan dalam peraturan AKTA 605”

- Amaran
- Denda
- Lucuthak emolumen
- Tangguh pergerakan gaji
- Turun gaji
- Turun pangkat
- Buang kerja

Jawatankuasa Tatatertib Universiti boleh mengenakan mana-mana satu hukuman atau kombinasi hukuman mengikut kes berkenaan.

**“Kesan terhadap hukuman ialah hak kepada gaji dan naik pangkat”**

Hukuman	Tempoh Tidak Layak Dipertimbangkan Kenaikan Pangkat
Amaran	12 bulan
Denda	18 bulan
Lucut Hak Emolumen	24 bulan
Tangguh Pergerakkan Gaji	30 bulan
Turun Gaji	36 bulan
Turun Pangkat	48 bulan

# INFORMASI

Implikasi Ketidakpatuhan Peraturan



UPM  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

## INTEGRITI

akan terus  
menjadi nadi  
utama warga  
UPM.

 YBhg. Dato' Prof. Dr.  
Mohd Roslan Bin Sulaiman  
Naib Canselor Universiti Putra Malaysia



[f](#) UniPutraMalaysia [t](#) @uputramalaysia [i](#) uniputramalaysia [y](#) Putra TV [c](#) uniputramalaysia

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

BERILMU BERBAKTI  
WITH KNOWLEDGE WE SERVE

[www.upm.edu.my](http://www.upm.edu.my)

4. Berdasarkan laporan pelanggaran tatakelakuan tahun 2022 seramai lima (5) orang staf Kumpulan Pelaksana dan tujuh (7) orang staf Kumpulan Pengurusan dan Profesional telah dibawa ke Jawatankuasa Tatatertib Universiti atas pelbagai aduan kesalahan pelanggaran tatakelakuan. Antara kesalahan pelanggaran tatakelakuan yang dibawa ke Jawatankuasa Tatatertib Universiti pada tahun ini adalah seperti berikut:

- a. Tidak hadir bertugas tanpa cuti, tanpa kebenaran dan tanpa sebab yang munasabah;
- b. Memalsukan sijil cuti sakit;
- c. Memburuk dan mencemarkan imej UPM;
- d. Menggunakan kedudukan sebagai pegawai Universiti untuk kepentingan diri sendiri;
- e. Ketidakpatuhan terhadap peraturan kewangan dan perakaunan UPM;
- f. Penyalahgunaan dadah;
- g. Kesalahan jenayah; dan
- h. Ingkar Perintah.

5. Seramai empat (4) orang staf telah dikenakan tindakan tatatertib dan telah diberikan amaran, manakala seorang staf dikenakan tindakan tatatertib dengan hukuman buang kerja. Terdapat pelbagai aduan yang melibatkan staf akademik, pengurusan dan profesional serta pelaksa yang disiasat termasuklah isu-isu berikut:

- a. Salah guna kuasa dikalangan Kumpulan Pengurusan dan Profesional;
- b. Gangguan seksual;
- c. Ketirisan dalam pengeluaran kewangan PTJ;
- d. Pemalsuan dokumen rasmi Universiti; dan
- e. Ketidakakuratan dalam proses perolehan dalam penganjuran seminar/konferensi.

[f](#) UniPutraMalaysia

[t](#) @uputramalaysia

[i](#) uniputramalaysia

[y](#) universitiputramalaysia


PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

BERILMU BERBAKTI  
WITH KNOWLEDGE WE SERVE

# Break Time

3 Minutes

“What Wrong With That Picture”




# AGENDA

Kepatuhan Kepada Peraturan Universiti

Makluman / Aduan Ketidakpatuhan 04

# SALURAN

Makluman / Aduan Ketidakpatuhan



# SALURAN ADUAN

Ketidakpatuhan Peraturan

**BORANG MAKLUMBALAS**

\* Nama

\* Emel (pastikan alamat emel adalah tepat)

No. Staf/No. Matriks/MyKad/No. Passport      \* No. Telefon  
     

\* Tajuk

\* Kategori Maklumbalas      \* Area      \* Jenis Pengguna  
           

\* Sila lengkapkan komen anda (tidak melebihi 1000 aksara)

Lampiran (jika perlu)  
 No file chosen  
 No file chosen  
 No file chosen  
\*Maksimum saiz 2MB  
hanya format doc, pdf, xls diberikan.

Saya akan membuat pengesahan maklumbalas melalui emel saya.

**HANTAR**

**RESPON AKAN DIJAWAB DALAM MASA 3 HARI BEKERJA.**

Pihak kami tidak akan melayan sebarang aduan yang tidak relevan, berbentuk / berbau fitnah, ugutan, cemuh, gosip dan seumpamanya. Pihak kami juga berhati dengan matlamat menggunakan budi bicara untuk tidak memberi sebarang jawapan atau respons terhadap aduan yang telah dikemukakan.

U-Response

**AUDIT RESPONSE**

**Daftar Aduan**      **Semak Aduan**

[Facebook](#) [Instagram](#) [Twitter](#) [YouTube](#) <https://audit.upm.edu.my/>

SISTEM PENGURUSAN ADUAN BAHAGIAN AUDIT DALAM


© 2022-2023 Bahagian Audit Dalam UPM

Audit Response

# KAWALAN

Implikasi Ketidakpatuhan Peraturan

“Salah satu inisiatif penambahbaikan dan pemudahcara saluran informasi dan aduan ketidakpatuhan secara terus kepada Bahagian Audit Dalam”



**/01** Meningkatkan jumlah pemberi maklumat

**/02** Meminimakan impak ketidakpatuhan

# KAEDAH

Penulisan Ketidakpatuhan Peraturan



## Siapa

Menyatakan siapakah identiti yang terlibat.



## Bagaimana dilakukan

Bagaimanakah perlakuan tersebut dilakukan.



## Dimana

Dimanakah lokasi kejadian perlakuan tersebut berlaku.



## Apa yang berlaku

Keterangan tentang apa sebenarnya yang berlaku.



## Bila

Tarikh dan masa kejadian tersebut berlaku.



## Kenapa dilakukan

Nyatakan kepentingan / keuntungan perlakuan tersebut dilakukan kepada pelaku.

# AGENDA

Kepatuhan Kepada Peraturan Universiti

Sesi Soal Jawab (Jika Ada)

05

# KESIMPULAN

Kepatuhan Kepada Peraturan Universiti




- + Kepatuhan kepada peraturan Universiti adalah satu keperluan kepada setiap pegawai UPM
- + Memahami kepentingan peraturan dalam pengukuhan tadbir urus Universiti dan risiko ketidakpatuhan peraturan
- + Melaporkan ketidakpatuhan yang berlaku kepada pihak berkuasa untuk tindakan pengesanan dan penambahbaikan kawalan dalaman
- + Melaksanakan tugas dengan penuh integrity dan telus dalam membuat sebarang keputusan

# Break Time

3 Minutes

“What Wrong With That Picture”





**UPM**  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
BERILMU BERBAKTI



# Terima Kasih

[f UniPutraMalaysia](#) [@uputramalaysia](#) [uniputramalaysia](#) [universitiputramalaysia](#)

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN  
BERILMU BERBAKTI  
WITH KNOWLEDGE WE SERVE